

PROFIL KEMISKINAN DI NEGERI KELANTAN



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH:

**PROF MADYA DR. ABDULLAH SUDIN ABD. RAHMAN
WAN HASNI WAN HASAN
WAN FAUZI WAN MAMAT
MOHD NOR SHAPIIN**

APRIL 2005

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan Penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya:

Dato' Profesor Dr. Hussin @ Mohamed Ab Rahman
(Pengarah Kampus UiTM Cawangan Kelantan)

Prof Madya Mohamad Safri Ya
(Timbalan Pengarah HEA UiTM Cawangan Kelantan)

Dr. Jusoh Yaacob
(Koordinator URDC UiTM Cawangan Kelantan)

Prof Madya Napisah Hj Safii
(Koordinator BRC UiTM Cawangan Kelantan– sehingga November 2004)

Semua Pegawai Daerah dan Jajahan Negeri Kelantan,
Penolong Pegawai Daerah dan Jajahan Negeri Kelantan
serta
Semua Penghulu dan Penggawa

Staf Perpustakaan
UiTM Cawangan Kelantan

Staf Hal Ehwal Akademik
UiTM Cawangan Kelantan

Pembantu-pembantu penyelidik
dan
Pemandu-pemandu UiTM

ISI KANDUNGAN

| Perkara | Muka Surat |
|----------------------------|-----------------------|
| Surat Tawaran Penyelidikan | |
| Surat Penyerahan Laporan | i |
| Daftar Ahli Penyelidik | ii |
| Penghargaan | iii |
| Isi Kandungan | iv - vii |
| Daftar Jadual | viii - x |
| Daftar Rajah | xi - xii |
| Abstrak | xiii |

BAB 1 : PENGENALAN

| | | |
|-----|----------------------|---|
| 1.0 | Latarbelakang Kajian | 1 |
| 1.1 | Objektif Kajian | 3 |
| 1.2 | Pernyataan Masalah | 4 |
| 1.3 | Skop Kajian | 5 |
| 1.4 | Kepentingan Kajian | 6 |

BAB 2 : ULASAN LITERATUR

| | | |
|-----|--|----|
| 2.0 | Senario Kemiskinan Dunia | 8 |
| 2.1 | Kemiskinan Di Malaysia | 8 |
| 2.2 | Prestasi Pembasmian Kemiskinan Di Kelantan | 9 |
| 2.3 | Sebab-sebab kemiskinan | 12 |

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-----|------------------|----|
| 3.0 | Pengenalan | 13 |
| 3.1 | Bentuk Kajian | 13 |
| 3.2 | Pengumpulan Data | 13 |

Abstrak

Kajian ini menyingkap keseriusan fenomena kemiskinan di Kelantan dengan mengumpul profil isirumah miskin di negeri ini. Ia juga mengenalpasti ciri-ciri isirumah miskin yang mana dikatakan sebagai faktor yang menyumbang kepada kemiskinan yang dihadapi. Kajian juga melihat samada terdapat suatu hubungan yang signifikan diantara tahap kemiskinan isirumah dengan amalan keagamaan mereka. Responden kajian ini merangkumi 460 isirumah miskin di kesemua sepuluh jajahan di negeri Kelantan yang mana memperolehi jumlah pendapatan kurang dari Pendapatan Garis Miskin (PGM) tahun 2000, iaitu RM460 sebulan. Hasil kajian mendapati masih banyak isirumah yang tergolong dalam kumpulan termiskin (hard-core poor) dimana jumlah pendapatan bulanan adalah kurang dari separuh PGM, iaitu RM230. Dapatkan kajian juga menunjukkan tahap kemiskinan di negeri Kelantan berkait dengan tahap pendidikan akademik yang diterima, sektor dan jenis pekerjaan yang diceburi, pemilikan hartaanah serta kemudahan dan kelengkapatan tempat tinggal mereka. Terdapat juga hubungan yang bererti diantara jumlah pendapatan isirumah dengan beberapa amalan keagamaan harian yang dilakukan. Penilaian kehidupan oleh responden juga menunjukkan terdapat sejumlah isirumah miskin dan termiskin berpuashati dengan kehidupan mereka kini.

BAHAGIAN 1: PENGENALAN

1.0 LATARBELAKANG KAJIAN

Kemiskinan ialah satu masalah yang universal. Ia berlaku di mana-mana baik di negara maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah dan juga negara-negara sedang membangun seperti di Asia dan Afrika. Namun secara bandingan, masalah kemiskinan di negara membangun adalah lebih serius dan ketara. Malaysia dalam hal ini tidak terkecuali.

Di Malaysia, taraf kemiskinan diukur menggunakan Pendapatan Garis Miskin (PGM) dengan mengambilkira keperluan minima makanan, pakaian, tempat tinggal, dan perbelanjaan asas lain isirumah untuk menjamin satu taraf hidup yang sepatutnya. PGM diselaraskan dari masa ke semasa dengan mengambil kira angka tunjuk harga. Jadual 1.1 menunjukkan Pendapatan Garis Miskin bagi Semenanjung Malaysia untuk tahun 1987 hingga 2002.

Jadual 1.1 : Pendapatan Garis Miskin (PGM) Bagi Isirumah di Semenanjung Malaysia Untuk Tahun 1987 – 2002

| TAHUN | PENDAPATAN GARIS MISKIN |
|-------|-------------------------|
| 1987 | 350 |
| 1989 | 370 |
| 1993 | 405 |
| 1995 | 425 |
| 2000 | 460 |
| 2002 | 529 |

Ini bermakna sesebuah isirumah akan dikategorikan sebagai isirumah miskin apabila jumlah pendapatan bulanan isirumah tersebut kurang dari PGM yang ditetapkan. Isirumah miskin ini pula boleh dibahagi kepada dua